

Majlis Raja-raja Zahir Rasa Dukacita Kehilangan Pesawat MH370
Bernamea
11 Mac, 2014

KUALA LUMPUR, 11 Mac (Bernama) -- Majlis Raja-Raja Malaysia (MRRM) Selasa menzahirkan rasa dukacita dengan kejadian pesawat MAS MH370 hilang sejak Sabtu lepas dan menyarankan rakyat pelbagai agama, kaum dan kumpulan politik supaya menunjukkan semangat bersatu ketika negara menghadapi dan menangani tragedi ini.

MRRM dalam satu kenyataan berkata Majlis Raja-Raja sentiasa mengikuti perkembangan dan menghargai segala usaha yang dijalankan.

"Kerjasama dan bantuan dari pelbagai negara bagi membantu operasi mengesan pesawat yang hilang, amatlah dihargai," menurut kenyataan itu yang dikeluarkan oleh Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja Datuk Seri Syed Danial Syed Ahmad.

Majlis Raja-Raja menyarankan supaya rakyat dari pelbagai agama, kaum dan kumpulan politik menunjukkan semangat bersatu ketika negara menghadapi dan menangani tragedi ini.

"Semoga mendapat rahmat dan petunjuk dari Allah S.W.T. serta segala usaha menemui hasil terbaik, di samping mendoakan semoga kaum keluarga dan sahabat handai waris terlibat diberikan kekuatan, ketabahan dan ketenangan bagi menghadapinya", kata kenyataan itu.

Pesawat MH370 yang membawa 227 penumpang dan 12 anak kapal itu dilaporkan hilang setelah terputus hubungan dengan Pusat Kawalan Trafik Udara, Subang pada pagi Sabtu.

Pesawat B777-200ER itu berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) pada 12.41 tengah malam Jumaat dan sepatutnya mendarat di Beijing pada 6.30 pagi Sabtu tetapi hilang dari radar kira-kira sejam setelah berlepas.

Pesawat itu membawa penumpang terdiri daripada warga 14 negara - 154 China termasuk seorang bayi, 38 rakyat Malaysia, 7 Indonesia, 6 Australia, 5 India, 4 Perancis, 3 Amerika termasuk seorang bayi, masing-masing 2 New Zealand, Ukraine dan Kanada serta masing-masing 1 warga Rusia, Itali, Belanda dan Austria.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1021038>